



PENGAKAP
Mentransformasi Generasi

POLISI PENGURUSAN INTEGRITI

Persekutuan Pengakap Malaysia



Polisi Pengurusan Integriti

Persekutuan Pengakap Malaysia
Jun 2016

Oleh

Persekutuan Pengakap Malaysia
Rumah BP, Jalan Hang Jebat 50150
Kuala Lumpur MALAYSIA

Tel : +60 3 2078 0836

Fax : +60 3 2070 0152

pengakap@scouts.my

www.pengakapmalaysia.org

Setinggi penghargaan kepada

Mej. Jen. Prof. Dato' Dr. Hj. Mohd Zin bin Bidin (B)
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara

Dato' Raja Ruslan bin Raja Samah
Ketua Pegawai Eksekutif, PPM

Dr. Hj. Mohd Azlan bin Ab Jalil
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak
Global Support Assessment Tools – PPM

Dan seluruh ahli Jawatankuasa Bertindak GSAT-PPM

Penulis

Jamaludin @ Jamal bin Jinal
Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara

Penulis Bersama & Editor

Mohd Hilmi bin Mat Saad
*Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah Baling,
Kedah*

HAKCIPTA TERPELIHARA Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan laporan dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Persekutuan Pengakap Malaysia.

ISI KANDUNGAN

Falsafah	1
Matlamat	2
Cabaran	3
Nilai Teras	4
Etika Kepengakapan	5
<i>Definisi etika</i>	5
<i>Kelakuan beretika</i>	5
<i>Prinsip etika</i>	5
Kategori Etika	6
Jenis Salahlaku	7
<i>Menerima suapan atau hadiah</i>	7
<i>Penerimaan keraian</i>	9
<i>Penyalahgunaan kedudukan, jawatan atau pangkat</i>	9
<i>Penyalahgunaan aset dan sumber-sumber PPM</i>	10
Konflik Berkepentingan	11
<i>Tujuan</i>	11
<i>Definisi konflik berkepentingan</i>	11
<i>Jawatankuasa kewangan yang bebas</i>	12
<i>Contoh konflik berkepentingan</i>	13
<i>Prosedur menangani konflik berkepentingan</i>	14
<i>Prosedur untuk mengemukakan dakwaan</i>	15
Kenyataan Awam & Media Sosial	16
Lembaga Disiplin	18
<i>Tugas dan tanggungjawab Lembaga Disiplin</i>	19
<i>Peringkat kes</i>	20
Kerahsiaan pemberi maklumat	21
<i>Jaminan kerahsiaan identiti pemberi maklumat</i>	21
<i>Dilindungi dari serangan balas</i>	21
<i>Maklumbalas laporan salah laku</i>	22
<i>Keikhlasan pemberi maklumat</i>	22
Pematuhan Kod Etika & Tatakelakuan	23
<i>Penganjuran kursus dan bengkel</i>	23
<i>Maklumbalas</i>	23
<i>Tiada kompromi</i>	23
Pelan tindakan	24

ISI KANDUNGAN

Mekanisme pelaksanaan	26
<i>Pelantikan jawatankuasa</i>	26
<i>Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa</i>	27
<i>Tempoh pelaksanaan & penilaian</i>	28
Penutup	29
Lampiran A	31

Pelaksanaan Pengurusan Integriti merupakan usaha penting bagi menjadikan Persekutuan Pengakap Malaysia sebagai suatu gerakan pendidikan belia secara terancang, sistematik, bersepadu dan berterusan. Setakat ini belum ada satu bentuk mekanisme yang berstruktur dan menyeluruh dalam PPM bagi menjamin tahap integriti pertubuhan ini. Justeru itu, polisi ini akan menggariskan beberapa prosedur integriti bagi memastikan PPM mencapai suatu pencapaian yang tinggi dan positif dalam pelbagai aspek untuk menjadikannya sebagai pertubuhan yang bermoral dan beretika tinggi.

Azam dan iltizam serta komitmen yang diperlihatkan oleh semua ahli Pengakap dalam menyahut saranan untuk mempertingkatkan integriti, nilai murni, mencegah penyelewengan dan salahguna kuasa perlu digerakkan melalui aktiviti dan program yang terancang dan bersesuaian. Meningkatkan kesedaran dan komitmen ahli Pengakap bahawa usaha meningkatkan integriti adalah tanggungjawab bersama, dan dengan demikian mengukuhkan asas kekuatan Persekutuan Pengakap Malaysia

Dengan meletakkan elemen integriti dan akauntabiliti sebagai pemacu kejayaan Visi dan Misi Pengakap, kepimpinan tertinggi Pengakap adalah bertanggungjawab dalam menyediakan ahli yang berintegriti, cekap, profesional dan berdedikasi dalam menjalankan tugas yang diamanahkan supaya khidmat sukarela yang diberikan dapat memenuhi kehendak pemegang taruh (stakeholder) dan setiap ahli Pengakap kita. Semua pemimpin, pesuruhjaya, ahli majlis dan kakitangan Pengakap adalah dituntut untuk menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab, jujur, cekap dan berkesan bagi memenuhi aspirasi tersebut.

Polisi ini bermatlamat untuk mewujudkan sistem penyampaian khidmat sukarela yang berkualiti dan berintegriti di dalam Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM). Ini dapat dilakukan sekiranya warga PPM mengamalkan falsafah moral dan etika yang tinggi dalam melaksanakan tugas-tugas mereka. Penganutan falsafah ini adalah penting selaras dengan peranan dan fungsi PPM yang bertanggungjawab melahirkan modal insan yang cemerlang. Pengamalan nilai-nilai murni akan menjadi faktor penghalang dalaman untuk tidak melakukan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa.



Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) boleh diharapkan untuk melaksanakan tanggungjawab ini dengan menekankan betapa pentingnya warga PPM menjunjung nilai integriti dan akauntabiliti yang tinggi serta persekitaran yang kondusif bagi menghadapi cabaran-cabaran berikut:

- a. PPM perlu memenuhi dan mematuhi *standard global* serta amalan-amalan terbaik yang bertaraf dunia sebagai asas kepada penyampaian khidmat sukarela yang berkualiti tinggi.
- b. Pemegang taruh dan masyarakat menuntut PPM memberikan perkhidmatan sukarela yang berkualiti tinggi dan cemerlang.
- c. PPM perlu mendapat sumber tenaga manusia, kewangan dan logistik yang mencukupi. Pengurusan tenaga manusia, kewangan, aset dan harta modal dengan cekap dan berkesan untuk memenuhi keperluan bagi meningkatkan sistem penyampaian khidmat sukarela.
- d. PPM perlu mempermudah dan memperkemaskan sistem dan peraturan selaras dengan amalan kepengakapan antarabangsa.
- e. PPM perlu mendidik masyarakat supaya celik Pengakap (*Scouts Literate Society*).

Berikut adalah nilai-nilai murni yang perlu dan sentiasa diamalkan supaya PPM akan sentiasa dihormati oleh pemegang taruh dan masyarakat:

Amanah

- Mematuhi Undang-Undang dan Persetiaan Pengakap.
- Menghindar amalan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa.

Akauntabiliti

- Merekod budibicara/keputusan yang dibuat
- Bersedia untuk diaudit
- Menyimpan dan mengemaskinikan rekod untuk memudahkan rujukan.

Objektif

- Sentiasa mendapatkan maklumat terkini.
- Berlaku adil kepada semua ahli.
- Melaksanakan tugas dengan jujur dan penuh tanggungjawab.

Telus

- Memberi keputusan yang adil dan saksama.
- Memberitahu tatacara dan prosedur yang sedia ada.
- Mengambil kira semua pandangan sebelum membuat keputusan.

Tabah

- Memberi keputusan yang adil dan saksama.
- Memberitahu tatacara dan prosedur yang sedia ada.
- Mengambil kira semua pandangan sebelum membuat keputusan.

DEFINISI ETIKA

Boleh diertikan sebagai kelakuan diri dan profesional berdasarkan kepada penghayatan terhadap nilai-nilai murni yang diterima serta pematuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan Pengakap yang sedia ada.

KELAKUAN BERETIKA

Bagaimana hendak memastikan sesuatu tindakan atau kelakuan itu beretika atau tidak. Seorang ahli Pengakap seharusnya mengambil kira:

- i. sama ada kelakuan tersebut konsisten dengan nilai-nilai murni, visi, misi, undang-undang Pengakap, peraturan dan jangka harap masyarakat;
- ii. kesan dan akibat dari tindakan tersebut ke atas diri sendiri, masyarakat dan pihak PPM secara keseluruhan;
- iii. dan sama ada Pengakap tersebut boleh memberi justifikasi ke atas tindakan tersebut apabila dikehendaki nanti.

PRINSIP ETIKA

Kelakuan beretika pada dasarnya adalah berasaskan pada tiga (3) prinsip utama:

- i. Seorang ahli Pengakap menjalankan tugas secara profesional dan mempunyai daya keutuhan serta memberi perkhidmatan yang mesra, cekap dan berkesan.
- ii. Adil dan saksama dalam semua urusan rasmi sama ada dengan masyarakat atau warga PPM.
- iii. Mencegah ahli Pengakap melakukan perbuatan yang dilarang dan mengelakkan berlakunya konflik berkepentingan atau dilihat sebagai konflik berkepentingan.

Kategori Etika



Terdapat 4 kategori etika yang boleh digariskan untuk warga PPM iaitu:

NILAI PERIBADI

Ikhlas
Berdedikasi
Bekerjasama
Jujur
Mulia
Bijaksana
Menghargai masa
Bersederhana
Berdisiplin

NILAI PROFESSIONAL

Berilmu
Kreatif
Berinovasi
Telus
Berkecuali
Taat
Bangga dengan tugas
Bersifat neutral

NILAI KEPIMPINAN

Berani
Menjadi tauladan
Amanah
Bertanggungjawab
Adil

NILAI KEAGAMAAN

Bersyukur
Percaya kepada pembalasan (balasan terhadap perkara buruk/salah yang dilakukan)

MENERIMA SUAPAN ATAU HADIAH

Peruntukan undang-undang menggariskan larangan memberi suapan atau hadiah seperti berikut:

- a) **Seksyen 10:** Adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana anggota, secara rasuah meminta (*soliciting*) atau menerima (*receiving*) bagi dirinya atau bagi mana-mana orang apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua yang melibatkan Jabatan.
- b) **Seksyen 11:** Adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana anggota dengan disedarinya menggunakan, dengan niat hendak memperdaya Jabatan, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang mengandungi apa-apa pernyataan palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butiran dan yang pada pengetahuannya, adalah dimaksudkan untuk mengelirukan Jabatan.
- c) **Seksyen 15:** Adalah menjadi satu kesalahan bagi seseorang anggota menggunakan kedudukan rasminya untuk meminta atau menerima sebarang suapan sebagai pendorong atau ganjaran baginya.

Bagi maksud Kod ini, "**Suapan**" ertinya seperti yang ditafsirkan di bawah **Seksyen 2, Akta Pencegahan Rasuah 1997**. Manakala "**Hadiah**" ertinya seperti yang ditakrifkan di para **4 (a) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998**.

Ahli PPM yang ditawarkan hadiah atau selepas menerima hadiah di luar kebiasaannya, hendaklah melaporkan sama ada secara lisan atau bertulis kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara/Negeri untuk makluman beliau.

Seseorang ahli PPM tidak boleh menerima hadiah atau lain-lain bentuk ganjaran daripada orang awam yang mempunyai hubungan rasmi dengannya tanpa mendapat kelulusan daripada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara/Negeri.

Adalah dilarang seseorang ahli PPM meminta sumbangan atau hadiah dan mengambil barangan sebagai hadiah atau sebagai contoh dari orang awam atau syarikat yang berurusan dengan PPM selain dari yang dibenarkan oleh peraturan. Antara contoh-contoh kelakuan tersebut:

- a. meminta dan mengambil t-shirt aktiviti daripada pengusaha kilang pakaian untuk diri sendiri atau kegunaan kumpulannya dalam mana-mana program Pengakap;
- b. dengan sengaja meminta dan mengambil barang dagangan sebagai sampel untuk dirinya dari kedai atau syarikat yang berkaitan.

Sekiranya penerimaan hadiah tidak dapat dielakkan iaitu hadiah tersebut diberikan di dalam majlis khas, maka pemberian hadiah itu perlu dianggap sebagai pemberian kepada PPM. Oleh itu, ahli PPM yang menerima hadiah berkenaan bertanggungjawab memaklumkan perkara tersebut sama ada secara lisan atau bertulis kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara/Negeri.

PENERIMAAN KERAIAN

'Keraian' ertinya apa-apa pemberian makanan atau minuman untuk kegunaan dalam majlis-majlis tertentu dan termasuk juga apa-apa acara lain yang berkaitan. Melainkan dalam keadaan yang tidak dapat dielakkan, seseorang warga tidak boleh:

- a) *menerima jemputan makan, bersukan atau keraian yang keterlaluan dari segi kekerapan dan jenis keraian yang diberikan dan juga ketidaksesuaiannya dengan mengambil kira penganjur majlis dan jenis perniagaan yang dijalankannya; atau*
- b) *terlalu kerap menerima jemputan ke majlis-majlis sosial daripada mana-mana pihak yang selalu berurusan rasmi dengannya. Ini bertujuan supaya tugas-tugas Pengakap dapat dilaksanakan dengan cekap dan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana faktor dan juga untuk mengelakkan daripada berlakunya percanggahan antara kepentingan persendirian dan kepentingan awam.*

PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN, JAWATAN ATAU PANGKAT

Seorang ahli Pengakap hendaklah bertindak adil, tidak berat sebelah dan tidak mengamalkan sikap pilih kasih (*favouritism*) terhadap mana-mana orang perseorangan atau pertubuhan. Mereka juga perlu mengelak daripada melibatkan diri mereka dalam unsur-unsur yang tidak baik atau aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan integriti PPM dipertikaikan.

Seorang ahli Pengakap tidak sewajarnya menggunakan kedudukannya untuk kepentingan sendiri atau kepentingan orang lain. Seseorang ahli Pengakap juga tidak seharusnya meminta atau mengarahkan ahli Pengakap bawahannya supaya melaksanakan apa-apa tugas atau memberi perkhidmatan selain daripada yang berkaitan dengan kerja-kerja kesukarelawan yang relevan atau tugas rasmi mereka (bagi kakitangan sepenuh masa PPM).

PENYALAHGUNAAN ASET DAN SUMBER-SUMBER PPM

Setiap ahli Pengakap seharusnya menggunakan aset dan sumber PPM (wang, harta benda, barangan dan perkhidmatan) secara berhemah, efektif dan hanya untuk tujuan rasmi dan aktiviti- aktiviti yang diluluskan sahaja.

Setiap kakitangan yang bekerja dengan PPM sepatutnya menggunakan waktu bekerja di pejabat untuk melaksanakan tugas-tugas rasminya sahaja dan tidak boleh sama sekali membuat tuntutan elaun palsu. Mereka juga dilarang daripada mengambil harta benda PPM untuk kegunaan sendiri atau pun untuk dijual semula. Perbuatan ini adalah satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.

Konflik Berkepentingan



TUJUAN

Tujuan polisi konflik kepentingan ini ialah untuk melindungi kepentingan PPM sewaktu pihak yang terlibat (Pemimpin, Pesuruhjaya, Kakitangan, Ahli Majlis atau ahli Exco) merancang untuk menjalankan transaksi urusan yang mungkin memberi manfaat kepada kepentingan peribadi mereka atau transaksi yang memberi kelebihan kepada pihak terbabit.

Dasar ini adalah sekadar sebagai tambahan, bukan untuk menggantikan mana-mana undang-undang negeri dan persekutuan yang mengawal konflik kepentingan yang dikenakan kepada organisasi bukan keuntungan dan kebajikan

DEFINISI KONFLIK BERKEPENTINGAN

Individu berkepentingan: Merujuk kepada Pemimpin, Pesuruhjaya, Kakitangan atau Ahli Majlis Pengakap yang mempunyai kepentingan dalam membuat keputusan mengenai kewangan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kepentingan Melalui Kewangan: merujuk kepada individu yang mempunyai kepentingan (secara langsung atau tidak langsung) melalui perniagaan, pelaburan atau hubungan kekeluargaan:

- a) Dalam milikan atau rundingan pelaburan sebarang entiti yang melibatkan penggunaan nama PPM.
- b) Dalam membuat pampasan* bagi pihak PPM terhadap individu atau sebarang entiti.

**Pampasan adalah termasuk imbuhan langsung, tidak langsung, hadiah atau ganjaran yang tidak jelas. Kepentingan kewangan tidak semestinya konflik kepentingan. Seseorang yang mempunyai kepentingan kewangan dan juga mungkin mempunyai konflik kepentingan hanya jika Majlis Eksekutif memutuskan bahawa konflik kepentingan wujud, selaras dengan dasar ini.*

Kepentingan melalui hubungan: merujuk kepada hubungan Pemimpin, Pesuruhjaya, Kakitangan, Ahli Majlis atau Ahli Exco bersama:

- a. Kaum keluarga & saudara mara
- b. Kenalan rapatnya
- c. Kelab-kelab dan persatuan-persatuan di mana mereka menjadi ahlinya
- d. Individu-individu yang mereka berhutang budi dan bertanggungjawab untuk membantunya.

JAWATANKUASA KEWANGAN YANG BEBAS

Jawatankuasa Kewangan Daerah, Negeri dan Kebangsaan adalah dianggap bersifat bebas untuk tujuan pencapaian polisi ini secara menyeluruh. Jawatankuasa Daerah, Negeri dan Kebangsaan mestilah:

- a. Terdiri daripada seseorang yang tidak berkhidmat melebihi 2 penggal berturut-turut.
- b. Bukan seseorang yang secara langsung dan tidak langsung mempunyai hubungan perniagaan bersama PPM yang akan mempengaruhi kebebasan membuat keputusan.
- c. Bukan seseorang individu yang terlibat dalam membuat keputusan mengenai kewangan untuk pertubuhan lain.
- d. Bukan seseorang yang mempunyai ikatan kekeluargaan dengan kakitangan PPM yang terlibat dalam urusan membuat keputusan kewangan untuk PPM.

CONTOH KONFLIK BERKEPENTINGAN

Percanggahan atau konflik kepentingan yang timbul boleh menyebabkannya berlakunya rasuah dan penyelewengan, seterusnya memberi kesan buruk pada kepentingan dan reputasi PPM.

Berikut adalah beberapa contoh jenis percanggahan atau konflik kepentingan yang seharusnya dielakkan oleh setiap Pemimpin, Pesuruhjaya, Kakitangan dan Ahli Majlis Pengakap:

- a. memberi layanan istimewa kepada pembekal tertentu, kontraktor, pelanggan atau warga bawahan atas sebab-sebab peribadi;
- b. menerima pengangkutan percuma yang disediakan oleh operator perniagaan yang berurusan rasmi dengan PPM, dan;
- c. menerima tiket-tiket percuma ke pesta, majlis, jamuan makan daripada pihak-pihak yang berurusan rasmi dengan PPM.

Setiap Pemimpin, Pesuruhjaya, Kakitangan atau Ahli Majlis Pengakap perlu mengelakkan diri daripada terlibat dalam sebarang situasi yang boleh membawa kepada berlakunya percanggahan atau konflik di antara kepentingan diri dan PPM. Warga PPM perlu mengutamakan kepentingan PPM apabila berurusan dengan masyarakat, pembekal, kontraktor, peniaga atau mana-mana pihak lain yang berkaitan.

PROSEDUR MENANGANI KONFLIK BERKEPENTINGAN

KAEDAH 1

Membuat laporan atau pendedahan

Individu berkepentingan bertanggungjawab untuk membuat pendedahan terhadap sebarang kemungkinan konflik kepentingan yang mungkin timbul atau telah timbul atas perlantikan beliau di dalam Jawatankuasa Kewangan. .

KAEDAH 2

Penarikan diri.

Seorang Pemimpin, Pesuruhjaya, Kakitangan dan Ahli Majlis Pengakap boleh menarik diri pada bila-bila masa daripada terlibat dalam apa-apa keputusan atau perbincangan berkaitan kewangan di mana individu itu percaya dia mempunyai atau mungkin mempunyai konflik kepentingan, tanpa melalui proses untuk menentukan sama ada konflik kepentingan tersebut wujud.

KAEDAH 3

Terbukti wujud kepentingan.

Jika seorang Pemimpin, Pesuruh-jaya, Kakitangan dan Ahli Majlis Pengakap didapati mempunyai konflik kepentingan setelah semua bukti keterlibatan dikemukakan, individu terbabit haruslah meninggalkan mesyuarat supaya penentuan konflik kepentingan dibincangkan dan diundi. Baki Ahli Majlis hendaklah memutuskan sama ada sememangnya konflik kepentingan tersebut wujud.

PROSEDUR UNTUK MENGEMUKAKAN DAKWAAAN

Langkah 1:

Individu yang didakwa mempunyai kepentingan harus diberi peluang untuk menjelaskan keadaan kepada Jawatankuasa Kewangan (Daerah, Negeri, Kebangsaan) dan setelah selesai membuat pembentangan, individu terbabit haruslah meninggalkan mesyuarat dan Ahli Jawatankuasa akan memutuskan samada terdapat kewujudan konflik kepentingan atau tidak.

Langkah 2:

Pengerusi Jawatankuasa Kewangan Daerah, Negeri dan Kebangsaan disarankan untuk melantik dari kalangan Ahli Jawatankuasa untuk menyiasat transaksi perniagaan yang didakwa mempunyai konflik kepentingan tersebut.

Langkah 3:

Setelah diberi pertimbangan yang wajar, keputusan Ahli Majlis akan tentukan sama ada PPM memperolehi keuntungan/kelebihan sewajarnya atau tidak, supaya dapat dinilai sejauh mana konflik kepentingan tersebut memberi kesan kepada PPM.

Langkah 4:

Jika didapati memang terdapat konflik berkepentingan sebelum transaksi berlaku, individu terbabit haruslah meletak jawatan dan transaksi itu akan dinilai semula oleh jawatankuasa kewangan. Namun jika transaksi tersebut telah berlaku dan individu terbabit telah menerima laba/ habuan/ keuntungan dari transaksi tersebut, individu yang didakwa akan dirujuk kepada Jawatan-kuasa Disiplin Negeri/Kebangsaan untuk tindakan lanjut.

Kenyataan Awam & Media Sosial



Pada dasarnya, setiap ahli Pengakap boleh menyuarakan pendapatnya terhadap pelbagai isu yang ada hubungan dengan tugasnya. Adalah diingatkan bahawa setiap pernyataan awam, terutamanya kenyataan akhbar atau *post* di media sosial yang dibuat hendaklah selaras dengan kedudukan masing-masing di dalam PPM. Setiap ahli Pengakap mesti faham bahawa sebarang pernyataan awam atau *post* yang dibuat hendaklah tidak menimbulkan masalah serta memberi implikasi negatif terhadap PPM.



Polisi Komunikasi PPM telah menggariskan beberapa hal yang berkaitan etika menggunakan media sosial sebagai panduan lengkap kepada ahli Pengakap sekalian. Sehubungan itu, seorang ahli Pengakap juga dilarang membuat kenyataan awam yang mempunyai implikasi antara lainnya seperti berikut:

- a. kenyataan atau pendapat peribadi yang boleh disalahtafsir sebagai kenyataan rasmi;
- b. tohmahan ke atas pentadbiran PPM yang menyebabkan keadaan yang mengelirukan kepada PPM
- c. menyuarakan pendapat yang negatif ke atas dasar-dasar PPM semasa menjalankan tugas rasmi; dan
- d. tohmahan ke atas pegawai atasan PPM, rakan sekerja atau warga bawahan yang boleh menyebabkan wujud suasana tidak selesa.

Seseorang Pengakap adalah dilarang menulis surat, sama ada secara terang-terangan atau menerusi surat layang terus kepada pihak-pihak lain dan melalui media-media cetak dan elektronik untuk meluahkan rasa tidak puas hati mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan PPM. Sekiranya ada aduan atau rasa tidak puas hati di kalangan ahli Pengakap, ianya hendaklah dikemukakan melalui saluran-saluran rasmi. Segala laporan, sama ada secara bertulis ataupun lisan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara atau Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri atau Timbalan-Timbalan mereka.


Mana-mana warga PPM yang menerima aduan dan laporan hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan serta merta. Tindakan pembetulan yang sesuai hendaklah diambil segera, sekiranya perlu dalam usaha untuk menyelesaikan pertikaian, aduan atau konflik tersebut.

Lembaga Disiplin



Mekanisma tatacara pengaduan salah laku yang berkesan perlulah dilaksanakan oleh semua pihak secara menyeluruh bagi menjamin keintegritan Persekutuan Pengakap Malaysia. Jika kes salah laku tersebut bersabit dengan jenayah, pihak Persekutuan Pengakap Malaysia mestilah bersifat telus dan bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam menyelesaikan hal tersebut. Dalam hal ini Lembaga Disiplin Kebangsaan dan Lembaga Disiplin Negeri hendaklah berjalan dan berfungsi secara aktif dalam usaha memastikan segala kes salah laku dapat diselesaikan secara efektif.

Berikut adalah keahlian Lembaga Disiplin Kebangsaan:



Keahlian Lembaga Disiplin Negeri pula adalah seperti berikut:



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA DISIPLIN

Pengerusi Lembaga akan menguruskan semua mesyuarat Lembaga Disiplin dan menjadi hakim utama dalam membuat keputusan terhadap kes-kes yang dibicarakan. Beliau harus memastikan mendapat majoriti sokongan ahli Lembaga Disiplin dalam membuat keputusan.

Pengarah Aduan akan membawa rekod aduan ke mesyuarat Lembaga Disiplin untuk dibincang dan dibicarakan. Jika Pengarah Aduan adalah individu yang terlibat dalam aduan, pengadu boleh menghantar aduan terus kepada Pengerusi Lembaga Disiplin.

Setiausaha akan bekerjasama dengan ahli lembaga untuk mengemukakan semua bukti yang berkaitan pendakwaan. Setiausaha juga akan bertanggungjawab untuk menghantar surat kepada yang didakwa untuk membela diri. Hasil keputusan pendakwaan akan dimaklumkan kepada yang didakwa melalui surat rasmi.

Ahli Lembaga Disiplin akan bertindak untuk memberi pendapat dan pandangan terhadap sebutan kes. Panel Penilai akan bekerjasama dengan Setiausaha untuk mengumpul bukti yang berkaitan pendakwaan.

PERINGKAT KES

Peringkat Kebangsaan

Pemberi maklumat boleh melaporkan segala salahlaku terus kepada Pengarah Aduan. Dalam hal ini, pemberi maklumat disarankan melaporkan salahlaku ini dalam bentuk bertulis dan jika terdapat bukti sokongan mengenai dakwaan yang dikemukakan, bolehlah disertakan bersama laporan tersebut.

Peringkat Negeri

Manakala peringkat kes yang akan dirujuk kepada Lembaga Disiplin Negeri ialah salahlaku yang melibatkan semua jawatan di peringkat daerah dan kumpulan. Hal ini turut meliputi Ahli Majlis Pengakap Daerah dan kumpulan.

Pemberi maklumat boleh melaporkan segala salahlaku terus kepada Pengarah Aduan. Dalam hal ini, pemberi maklumat disarankan melaporkan salahlaku ini dalam bentuk bertulis dan jika terdapat bukti sokongan mengenai dakwaan yang dikemukakan, bolehlah disertakan bersama laporan tersebut.



Kerahsiaan Pemberi Maklumat



JAMINAN KERAHSIAAN IDENTITI PEMBERI MAKLUMAT

Identiti pemberi maklumat adalah rahsia dan Pengarah Aduan wajib merahsiakan identiti pelapor. Dibawah polisi ini, Persekutuan Pengakap Malaysia akan menjamin kerahsiaan identiti pemberi maklumat. Identiti pelapor hanya boleh didedahkan kepada mahkamah dengan perintah mahkamah. Dengan adanya perlindungan kepada pemberi maklumat, diharapkan lebih banyak pihak tampil untuk melaporkan salah laku dalaman yang berlaku di dalam PPM. Ini kerana adalah menjadi tanggungjawab kepada semua warga PPM untuk melaporkan pelanggaran kod etika atau disyaki melanggar undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh PPM.



DILINDUNGI DARI SERANGAN BALAS

Pelapor adalah dilindungi daripada serangan balas daripada pihak yang didakwa. Pengerusi Lembaga Disiplin mestilah memastikan tidak berlaku serangan balas dari apa jua bentuk dan cara terhadap pelapor dan jika terdapat serangan balas, pihak yang didakwa akan digantung keahlian serta merta sehingga perbicaraan tamat. Pelapor berhak mendapat perlindungan daripada pihak berkuasa jika terdapat ancaman atau sebarang tindak balas daripada yang didakwa.



MAKLUMBALAS LAPORAN SALAH LAKU

PPM bersedia mengamalkan polisi 'pintu-terbuka' dan menggalakkan setiap warganya untuk berkongsi soalan, kebimbangan, cadangan atau aduan dengan Lembaga Disiplin. Jika pemberi maklumat tidak berpuas hati dengan maklumbalas yang diterima sewaktu membuat aduan, mereka digalakkan untuk berhubung secara terus dengan Pengerusi Lembaga Disiplin sendiri.



KEIKHLASAN PEMBERI MAKLUMAT

Individu yang memfailkan aduan mengenai suatu pelanggaran dianggap bertindak dengan suci hati dan mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai maklumat yang didedahkan untuk membuktikan pelanggaran. Mana-mana tuduhan yang dibuktikan tidak berasas oleh Lembaga Disiplin atau terbukti telah dibuat dengan niat jahat atau dengan disedarinya sebagai palsu akan dilihat sebagai suatu kesalahan tatatertib yang serius.



Pematuhan Kod Etika & Tatakelakuan



PENGANJURAN KURSUS DAN BENGKEL

Etika dan Tatakelakuan ini hendaklah difahami dan dipatuhi oleh setiap warga PPM. Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara/ Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri hendaklah menganjurkan secara terancang dan berkesan kursus-kursus yang sesuai untuk memupuk kesedaran dan meningkatkan kefahaman ke arah penghayatan yang lebih berkesan seperti berikut:

- a. menganjurkan seminar/ kursus untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada setiap warga PPM terhadap Kod ini; dan
- b. membincangkan isu-isu etika dan tatakelakuan dengan merujuk kepada Kod ini, dalam taklimat mingguan/ bulanan secara berterusan.

MAKLUMBALAS

Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dikehendaki memastikan bahawa setiap warga di bawah seliaannya memahami dan mematuhi sepenuhnya segala peruntukan di bawah Kod ini. Kod ini juga perlu dikaji semula dari semasa ke semasa. Sebarang masalah dalam tugas-tugas penguatkuasaan serta ulasan atau cadangan bagi memperbaiki Kod ini, boleh disalurkan kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara/Negeri.

TIADA KOMPROMI

PPM menghendaki setiap warga agar sentiasa mengamalkan tatakelakuan beretika dan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang perbuatan yang melanggar undang-undang dan peraturan-peratutan PPM. Pelanggaran ke atas Kod Etika dan Tatakelakuan ini boleh menyebabkan seseorang warga itu boleh dikenakan tindakan tatatertib dan tindakan-tindakan lain yang sewajarnya

Strategi 1: Membanteras keinginan, ruang dan peluang melakukan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa:

PROGRAM DAN TINDAKAN	TEMPOH MASA	TANGGUNGJAWAB
1. Kepimpinan dan Komitmen: i. Konsep turun padang oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara/ Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri/ wakilnya. ii. Semua peringkat warga PPM diberikan kursus-kursus kepimpinan, kaunseling dan motivasi supaya lebih yakin.	Berterusan Mengikut program kursus	Ibu Pejabat Kebangsaan & Negeri
2. Sumber Manusia (pekerja PPM yang bergaji): i. Mengikuti latihan. ii. Pemilihan pegawai (pekerja) yang berintegriti. iii. Sistem penilaian prestasi yang adil dan memberi pengiktirafan. iv. Memberi peluang kepada pekerja berkursus sama ada dalam negeri atau luar negeri.	Mengikut program kursus Di nilai pada akhir tahun dan berterusan	Ibu Pejabat Kebangsaan & Negeri

Strategi 2: Menerapkan dan menghayati nilai-nilai teras PPM

PROGRAM DAN TINDAKAN	INDIKATOR	TEMPOH MASA	TANGGUNGJAWAB
Melaksanakan Kempen Kesedaran menghayati Nilai-Nilai Teras PPM: - Mengadakan kursus integriti dan akauntabiliti bagi semua peringkat warga PPM. - Mengadakan kempen kesedaran di seluruh negeri.	Terdapat aduan	Mengikut program kursus	Ibu Pejabat Kebangsaan & Negeri
2. Menganjurkan kursus kesedaran nilai-nilai teras PPM seperti berikut: - Nilai-nilai murni - Kesetian kepada Raja dan Negara. - Kesedaran sivik. - Role Model. - Motivasi	-	Mengikut program kursus	Ibu Pejabat Kebangsaan & Negeri
3. Memberi pengiktirafan melalui: - Anugerah Khidmat Cemerlang kepada pekerja yang bergaji dengan PPM. - Penganugerahan Sijil Penghargaan. - Program Pegawai Contoh.	Pegawai Cemerlang	Di nilai pada akhir tahun dan berterusan	Ibu Pejabat Kebangsaan & Negeri

Mekanisme Pelaksanaan



PERLANTIKAN JAWATANKUASA:

Untuk menggerakkan pelaksanaan program yang terkandung dalam polisi ini, satu jawatankuasa yang dinamakan **Jawatankuasa Pengurusan Integriti** ditubuhkan.

Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara akan melantik seorang Pengerusi dari kalangan Ahli-Ahli Majlis Pengakap Negara dan Pengerusinya diberi kuasa untuk melantik semimum 5 orang dan semaksimum 10 orang ahli untuk menganggotai Jawatankuasa tersebut. Tempoh perjawatan adalah selama dua (2) tahun dan boleh diperbaharui.



**Peringkat
Kebangsaan**

Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri akan melantik Ahli Majlis Pengakap Negeri dan Pengerusinya diberi kuasa untuk melantik semimum 5 orang dan semaksimum 10 orang ahli untuk menganggotai Jawatankuasa tersebut. Tempoh perjawatan adalah selama dua (2) tahun dan boleh diperbaharui. Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri hendaklah melaporkan kepada Ibu Pejabat PPM berhubung dengan perlantikan ahlinya dan juga program-program yang berkaitan.



**Peringkat
Negeri**


FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA



Jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan program ini serta mencadangkan penambahbaikan kepada program/tindakan melalui strategi yang telah ditetapkan.



Pegawai yang dipertanggungjawab mengenai perkara ini sama ada di peringkat Kebangsaan atau Negeri hendaklah mengambil tindakan untuk melaksanakan program/tindakan mengikut tugas masing-masing dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.



Laporan kemajuan pelaksanaan strategi dari PPM Negeri seperti *format* di **Lampiran A** hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Integriti Kebangsaan dalam empat (4) bulan sekali.



Ibu Pejabat Kebangsaan akan membuat analisis penilaian dan membuat perakuan.



Ibu Pejabat/ PPM Negeri hendaklah merancang program bagi menerangkan strategi ini kepada warga PPM di seluruh negara/negeri

TEMPOH PELAKSAAN & PENILAIAN

Penilaian pencapaian pelaksanaan strategi ini hendaklah dibuat **setiap enam (6) bulan sekali setiap tahun** oleh Jawatan-kuasa Pengurusan Integriti Kebangsaan atau PPM Negeri dan laporan penilaian hendaklah dikemukakan kepada Ibu Pejabat PPM.

Kajian keberkesanan pelaksanaan strategi ini hendaklah dibuat pada **setiap tahun** Jawatankuasa Pengurusan Integriti Kebangsaan atau PPM Negeri dan laporan kajian tersebut dikemukakan kepada Ibu Pejabat PPM.

Tempoh pelaksanaan strategi ini ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Integriti Kebangsaan atau PPM Negeri mengikut kesesuaian masing-masing.

Pengurusan Integriti ini dikeluarkan bertujuan memberi garis panduan umum yang perlu dipatuhi oleh setiap warga PPM. Pengurusan Integriti ini tidak muktamad dan dengan itu setiap warga hendaklah merujuk, jika perlu kepada mana-mana peraturan-peraturan yang berkaitan. Sekiranya didapati kandungan dalam Buku Polisi Pengurusan Integriti ini kurang jelas, hendaklah merujuk kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara atau Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Setiap Pesuruhjaya Pengakap bertanggungjawab untuk:

- i. membimbing setiap Pengakap di bawah kawalannya supaya mengetahui dan memahami undang-undang, peraturan-peraturan dan nilai-nilai PPM dan
- ii. memberi khidmat nasihat ke atas Pengakap yang tidak mencapai tahap prestasi yang diharapkan dan jika usaha ini tidak berjaya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya, maka bimbingan berterusan hendaklah dilaksanakan sehingga Pengakap berkenaan dapat mengamalkannya dengan baik nilai-nilai tersebut.

Dengan menghayati dan mengamalkan panduan yang terdapat di dalam Pengurusan Integriti ini akan dapat membantu warga PPM berkelakuan dan bertindak secara beretika dan ini membolehkan PPM memberikan perkhidmatan yang diharapkan oleh masyarakat dan pemegang taruh.

Adalah menjadi harapan PPM supaya setiap warganya:

1

melaksanakan tugas dengan jujur, amanah, ikhlas, profesional dan telus;

2

berusaha untuk mencapai tahap etika yang terbaik dan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan PPM yang sedia ada;

3

berkelakuan dengan baik supaya dapat meningkatkan imej perkhidmatan PPM dan;

4

sentiasa bersyukur dengan kurniaan tuhan dan mengamalkan nilai murni yang terdapat dalam ajaran agama.

Lampiran A

Jawatankuasa
Pengurusan Integriti

LAPORAN KEMAJUAN PELAKSANAAN PENGURUSAN INTEGRITI PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

Peringkat: ☐ Kebangsaan ☐ Negeri (Nyatakan: _____)
 Bulan Tahun
 Nama Pegawai

Bil.	Strategi	Program	Tahap Kemajuan Terkini	Peratus Pencapaian (%)	Status/Isu

KRITERIA PENILAIAN

Stor	Tahap Kemajuan Terkini	Peratus Pencapaian (%)
0	Tiada Tindakan (No Action)	0
1	Kemajuan Kerja Sangat Lewat (Major Delay In Progress)	25
2	Kemajuan Kerja Sederhana Lewat (Minor Delay In Progress)	50
3	Kemajuan Kerja Mengikut Jadual (Progress On Track)	75
4	Selesai (Completed)	100

Nota: Sila catatkan Tahap Kemajuan Terkini dan Peratus Pencapaian berdasarkan Kriteria Penilaian di atas.

SUMBER RUJUKAN

Memperkasakan Integriti dan Akauntabiliti Kastam Dalam Abad Ke 21

Terbitan Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
Putrajaya, 2011

Pelan Integriti Nasional dan Institut Etika Awam Malaysia

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan
Malaysia (MAMPU)
Putrajaya, 2003

Pelan Integriti

Terbitan Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
Putrajaya, 2004

Kod Etika Dan Tatakelakuan Kastam (Perintah Tetap Perjawatan Bil. 49 Tahun 2001)

Terbitan Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
Putrajaya, 2001

Code of Conduct

The Canadian Diabetes Association

Whistleblower Protection Policy Sample

USA National Council of Nonprofits

Miscounduct & Serious Misconduct Policy

Australian Catholic University, 2014



PENGAKAP
Mentransformasi Generasi



Persekutuan Pengakap Malaysia
(*Scouts Association of Malaysia*)

Ibu Pejabat Kebangsaan, Jalan Hang Jebat,
50150, Kuala Lumpur
Tel: +603-2078 0836
Fax: +603-20709057
Email: pengakap@scouts.my



@mediarasmippm



Media Rasmi PPM



@beritarasmi_ppm